

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA
PEMBUKAAN RESMI KILANG SOUTEX,
BATU PAHAT, JOHOR PADA 26HB
NOVEMBER, 1976 - JAM 4.30 PTG.

Y.A.B. Tan Sri Datuk Haji Othman Sa'at,
Menteri Besar Johor,

Encik David Nai-Wai Lee,
Pengerusi Lembaga Pengarah,

Y.B. Ahli-Ahli Majlis Kerja Negeri,

Yang Berusaha Pegawai Daerah, Batu Pahat,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Soutex Sendirian Berhad ^{ialah} ~~yang~~ merupakan salah sebuah kilang pembuat benang untuk kain dan baju panas yang terbesar di Malaysia, ^{Kilang ini} telah memberi nafas baru kepada penduduk-penduduk di kawasan ini. Syarikat ini ialah sebuah perusahaan kumpulan South Pacific Textile Industries yang juga mempunyai kilangnya sendiri, dua batu dari tempat ini.

2. South Pacific Textile Industries yang mula menjalankan kegiatannya dalam tahun 1961 dengan hanya 84 orang pekerja, sekarang ini mempunyai lebih 2,000 orang kakitangan dan pekerja dalam kedua-dua kilang ^{nya} ~~ini~~. Dari jumlah ini, seramai 800 orang bekerja di kilang Soutex ini. Saya mendapat tahu sebahagian besar dari pekerja-pekerja adalah penduduk tempatan.

3. Saya percaya penempatan kilang-kilang di Batu Pahat ini, telah memberi faedah ~~yang berguna~~ kepada penduduk-penduduk di sini, kerana perusahaan ini telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan.

4. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengucapkan terimakasih serta penghargaan kepada Encik David Nai-Wai Lee yang telah menyambut seruan Kerajaan untuk membawa perusahaan dan perindustrian ke bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan luar bandar. Kilang-kilang yang terdapat di sini merupakan satu bukti nyata mengenai hasrat Kerajaan menggalakkan penubohan industri-industri di kawasan-kawasan yang kurang maju, sepertimana terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru kita.

note: After this para, use English list pages 1 to 3.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, usaha-usaha telah dijalankan untuk menarik industri-industri, khususnya yang berasaskan hasil pengeluaran pertanian dan perkayuan, menubuhkan kilang-kilangnya di

Ladies & Gentlemen.

I would like to thank Eric David
nai-wai Lee for inviting and giving me
the honour of officially opening this mill
of Soutex Soudirian Berhad. I understand
that Soutex Soudirian Berhad is one of
the companies of South Pacific Textile
Industries which also has a mill of its
own about two miles from here.

I believe that South Pacific Textile
Industries started in 1961 with only 84
workers. Now the company and Soutex
together employ over 2000 workers. This is

very commendable which clearly reflects the efficiency and good management of both these companies. In addition, these companies provide employment for the people in the area. One further fact that needs mentioning is that these mills are established in or near small towns. This is what the Govt. is encouraging and is consistent with the policy to disperse industries in or near rural areas. I would like to congratulate Enik David nai-wai Lee and his companies for doing so and wish them all success now and in the future.

③

manufacturing will continue to play a strategic role in the rapid growth of the national economy. Under the Third Malaysia Plan, this sector will register the fastest rate of expansion thereby becoming progressively more important in the generation of income and employment in the country. The rapid expansion of this sector is essential for correcting present imbalances among States and regions.

kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang kurang maju. Beberapa galakan dan kemudahan telah diwujudkan ke arah mencapai matlamat ini.

Kerajaan-Kerajaan Negeri telah menyediakan kawasan tapak perindustrian di mana berbagai infrastruktur diadakan. Selain dari itu,

bayaran yang lebih rendah untuk bekalan air adalah ditawarkan kepada perusahaan-perusahaan baru dalam kawasan tersebut. Galakan cukai juga diberikan kepada syarikat-syarikat baru ini.

6. Hasil dari galakan dan kemudahan ini, beberapa kemajuan telah dicapai. Dalam tahun 1971 sahaja, sebanyak 43% dari projek-projek perindustrian yang telah diluluskan, telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Angka ini telah meningkat

dalam tahun-tahun berikutnya iaitu, 52.4% dalam tahun 1972, 58.5% dalam tahun 1973, 63.2% dalam tahun 1974 dan 66.8% dalam tahun 1975. Kesemuanya, sebanyak 2,210 permohonan menubuhkan industri dan perusahaan telah diluluskan dalam lima tahun tersebut. Sesungguhnya, ini adalah satu kejayaan yang membanggakan.

7. Sebagai meningkatkan lagi galakan penubuhan perusahaan-perusahaan ini, Kerajaan telah memberikan taraf perintis kepada sebilangan syarikat-syarikat yang baru. Dalam lima tahun yang lalu, sebanyak 49 buah syarikat yang dipunyai oleh warganegara Malaysia, berbanding dengan 26 syarikat-syarikat kepunyaan asing, telah diberikan taraf

perintis ini. Di antara tahun 1968 dan tahun 1970, bilangan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh rakyat Malaysia, yang diberikan taraf perintis ini, berjumlah 23 buah, berbanding dengan hanya 3 buah syarikat asing. Angka-angka ini sesungguhnya ~~nya~~ melahirkan hasrat dan keazaman Kerajaan memberi dan menggalakkan pemodal-pemodal tempatan membuka perusahaan-perusahaan dan perindustrian-perindustrian di negara kita sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Sungguhpun kejayaan dalam bidang ini sebanyak sedikit telah dapat dicapai, langkah-langkah perlu diambil supaya lebih banyak lagi perusahaan dan perindustrian baru, yang menggunakan ramai pekerja-

pekerja, dapat diadakan bagi menampung masalah pengangguran di negara ini. Usaha-usaha pesat patutlah dijalankan dengan seberapa segera, semoga matalamat Dasar Ekonomi Baru itu dapat dicapai sepenuhnya.

9. Dalam tahun-tahun yang akan datang ini, kita haruslah mengkaji kemungkinan mewujudkan perusahaan-perusahaan yang ada kaitan dengan minyak. Dengan tercapainya persetujuan dalam perjanjian perkongsian minyak dan gas, saya percaya kita dapat memasuki zaman baru dalam bidang perusahaan yang berasaskan minyak, yang boleh memberi faedah kepada negara seluruhnya. Satu daripada faedah bagi menubuhkan

perusahaan besar seperti ini ialah, supaya kita dapat mewujudkan satu kumpulan pekerja mahir dalam bidang teknologi. Sumber tenaga seperti ini, amatlah perlu bagi menentukan kadar kemajuan kita dari bidang perusahaan pertanian, kepada jenis perusahaan ekonomi yang lebih besar lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Kejayaan sesebuah kilang seperti Soutex ini, bergantung kepada perhubungan baik serta persefahaman di antara pengurusan dengan pekerja-pekerjanya.

Pekerja-pekerja haruslah menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing dengan penuh tanggungjawab bagi mengeluarkan hasil yang memuaskan. Sekalipun

mereka itu terdiri dari berbagai keturunan kaum, berlainan agama serta mempunyai peranan yang berasingan, mereka haruslah bekerja di kilang ini sebagai satu pasukan.

11. Bagi pihak pengurusan pula, janganlah sentiasa mengamalkan sikap hendak^{segera}mendapat untong ~~segera~~ yang banyak semata-mata, tanpa menghiraukan kebajikan dan kepentingan pekerja-pekerjanya. Dalam pertubohan yang besar seperti ini, kedua-dua pihak pengurusan dan gulungan pekerja, patut wujud sebagai satu keluarga, bekerjasama mengeratkan perpaduan dan persefahaman dalam usaha membantu Kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Keuntungan yang berlebihan hendaklah dapat

dinikmati juga oleh golongan pekerja yang telah sama-sama menyumbangkan tenaga bagi mencapai kejayaan itu.

12. Saya harap tiap-tiap perusahaan atau syarikat, terutama yang besar-besar, hendaklah benar-benar faham akan hakikat ini. Tidak ada gunanya mendapat untung berlautan jika kejayaannya hanya diperolehi dalam jangka masa yang pendek sahaja, yang sudah tentu pada akhirnya mendatangkan kerugian semua pihak.

..11/-

13. Satu lagi perkara penting yang harus di fahami oleh tiap-tiap perusahaan dan syarikat-syarikat swasta, ialah mengenai peranan dan tanggungjawab mereka membantu Kerajaan bagi mewujudkan satu tenaga pekerja dalam semua peringkat dan lapisan, yang boleh benar-benar mencerminkan kedudukan rakyat berbilang kaum di negara ini.

14. Oleh kerana jurang perbezaan ini masih terdapat di kebanyakan perusahaan dan syarikat-syarikat di negara ini, saya sukalah mengambil kesempatan ini menyeru kepada pengusaha-pengusaha, pemodal-pemodal atau orang-orang perseorangan yang mempunyai syarikat dan pertubuhan perniagaan, yang terlibat dalam kedudukan ini, supaya segera

mengimbangkan jurang perbezaan ini. Perseimbangan kaum pekerja, bukan sahaja patut dilakukan dalam gulungan perburuhan atau lapisan pekerja-pekerja biasa, bahkan, dan yang pentingnya, ~~bahawa~~ kedudukan ini hendaklah juga diwujudkan di peringkat-peringkat pengurusan dan kemahiran.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Saya menegaskan perkara ini, kerana saya suka melihat supaya segala cita-cita dan hasrat yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, yang telah dilancarkan dengan persetujuan sepenuhnya oleh pemimpin berbagai kaum di negara ini, dapat dijayakan bagi mengekalkan perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum. Inilah faktor penting bagi menjamin keselamatan negara, agar Malaysia dapat terus kekal dalam aman dan bahagia.

16. Dengan pesanan ini, maka saya dengan amat sukacitanya, meresmikan ^{*pembukaan*} kilang Soutex Sendirian Berhad, serta mendoakan semoga perusahaan ini akan terus berjaya.

Terima kasih.



ARKIB PERDANA MENTERI
PERKHIDMATAN



JUL 1978

16. Dengan pesanan ini, maka saya dengan amat
 sukacitanya, meresmikan kilang Soutex Seng Guan
 Berhad, serta mendobokan semoga perusahaan ini
 akan terus berjaya.
 Terima kasih.

**PERKHIDMATAN
 ARKIB PERDANA MENTERI**



No Siri 228
 No. Penerimaan 35/78

3277
 JUL 1978